

dikampung, yang selalunya merugikan mereka. Kemudahan-kemudahan kredit bagi membeli getah di pusat Pembangunan Pekebun Kecil, dengan secara langsung, telah dapat membolehkan pekebun-pekebun kecil mendapatkan harga yang lebih baik bagi getah mereka. Kedai-kedai runcit yang diadakan, telah juga dapat menampung keperluan-keperluan asas bagi kegunaan masing-masing. Saya difahamkan, bahawa melalui sistem kredit ini, ada setengah-setengah pekebun kecil yang maju, telah dapat mengadakan kenderaan sendiri, seperti bas sekolah. Ada juga yang telah dapat